



# suara ePerolehan

<http://home.eperolehan.com.my/bm/press/suara2008.aspx>

Januari | Fasa 4 | Edisi 17

**Penasihat**  
Pn. Nor'aini Abdul Razak

**Jawatankuasa**  
Pn. Norzalilah Mohd Mokhtar  
Cik Nory Afzan Mohd Johari  
En. Samsuri Sabari  
Pn. Noor Zuraini Aziz  
En. Hafidz Ahmad Zehnun  
En. Hasrizal Mohd Shaari

**Grafik & Rekabentuk**  
Cik Salinawati Sani

**Unit ePerolehan**  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Blok Helang, Kompleks Pjibat & Villa  
Cyberjaya, Selangor  
63000 Cyberjaya, Selangor  
Tel: 03 8312 7270  
Faks: 03 8312 2501

**Commerce Dot Com Sdn Bhd**  
Tingkat Dua, Wisma Amtek,  
No. 15, Jalan Tandang,  
46050 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel: 03 7985 7777  
Faks: 03 7985 7800  
Email: bantuan@eperolehan.com.my

## Sidang Redaksi Keluaran Januari 2008

Tahun 2007 merekodkan beberapa pencapaian yang membanggakan bagi sistem ePerolehan. Sasaran tahun 2007 hampir keseluruhannya tercapai di samping beberapa penganugerahan diterima di peringkat Kementerian.

Nilai transaksi melalui ePerolehan pada tahun 2007 iaitu sehingga 31 Disember 2007 adalah sebanyak RM 3.856 bilion, melebihi sasaran RM 3 bilion yang telah ditetapkan. Bilangan pertambahan PTJ eP *enabled* pula adalah sebanyak 581 PTJ dan juga melebihi sasaran 555 PTJ eP *enabled* yang telah ditetapkan. Bagi program *enablement* Pembekal, biarpun tidak mencapai sasaran 10 ribu pembekal, bilangan 8,870 pembekal yang telah eP *enabled* cukup memberangsangkan.

Pada tahun 2007, Kerajaan telah menumpukan lebih perhatian kepada pelaksanaan penggunaan ePerolehan oleh agensi-agensi. Penggunaan ePerolehan telah dijadikan sebagai suatu alat pengukuran dalam prestasi Pegawai Pengawal dan kriteria tambahan dalam Sistem *Star Rating* (SSR) Kementerian dan Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan. Tahun 2008 akan menjadi titik permulaan yang lebih penting kepada ePerolehan dalam pelaksanaan penggunaan ePerolehan yang lebih meluas.

Pelbagai faktor telah menyumbang kepada kejayaan ePerolehan. Kerjasama erat antara Unit ePerolehan, Commerce Dot Com Sdn. Bhd. serta komitmen Kementerian, pengguna-pengguna PTJ, pembekal, dan agensi-agensi Kerajaan lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pembangunan, penambahbaikan dan *rollout* pelaksanaan ePerolehan kepada PTJ dan pembekal.

Bagi tahun 2008, sasaran yang telah ditetapkan adalah sebanyak RM 5 bilion bagi nilai transaksi perolehan, pertambahan 555 PTJ eP *enabled* dan 20 ribu pembekal eP *enabled*. Semoga tahun 2008 terus menjanjikan kejayaan yang cemerlang buat ePerolehan dan semua warga yang terlibat.



### Khidmat Bantuan ePerolehan

<b>Tel</b>	: 03 7985 7888 / 7777
<b>Faks</b>	: 03 7985 7744
<b>Emel</b>	: bantuanptj@eperolehan.gov.my bantuan@eperolehan.gov.my




**Laman Web** : [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my)

# Transaksi Melalui Sistem ePerolehan Mencapai RM3.85 bilion Bagi Tahun 2007

Pencapaian penggunaan Sistem ePerolehan bagi tahun 2007 terus menunjukkan rekod yang memberangsangkan apabila nilai transaksi keseluruhan mencecah RM3.85 bilion dengan jumlah LPO sebanyak 326,641.

Perbandingan Pencapaian Nilai Transaksi Sistem ePerolehan dari Jan - Dis, Tahun 2006 & 2007




Ini adalah peningkatan sebanyak 92% berbanding dengan nilai transaksi yang dicapai pada tahun 2006, iaitu sebanyak RM2.006 bilion. Perkembangan positif ini adalah selaras dengan pertambahan bilangan PTJ yang telah eP enabled di keseluruhan 28 buah Kementerian.

Bagi tahun 2007, keseluruhan 28 buah Kementerian telah merekodkan peningkatan dalam bilangan pengeluaran LPO dan nilai transaksi perolehan melalui Sistem ePerolehan.

**Perbandingan Pencapaian Penggunaan Sistem ePerolehan bagi Kementerian/Jabatan  
dari Jan hingga Disember 2007 dan 2006**

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan LPO		Nilai Transaksi (RM)	
		2006	2007	2006	2007
1	Kem. Keselamatan Dalam Negeri	19,577	40,451	388,939,453	783,510,011
2	Kem. Pertahanan	4,961	26,724	112,327,309	535,778,024
3	Kem. Kesihatan Malaysia	35,161	63,739	331,931,454	511,896,483
4	Kem. Pelajaran	4,688	16,352	62,715,089	362,610,680
5	Jab. Perdana Menteri	15,835	35,449	120,364,334	267,193,038
6	Kem. Hal Ehwal Dalam Negeri	7,513	13,403	158,180,552	181,180,336
7	Kem. Perumahan & Kerajaan Tempatan	9,348	14,564	97,362,773	161,916,304
8	Kem. Kewangan	11,769	17,711	122,770,042	107,674,695
9	Kem. Pegangkutan	5,223	8,240	58,010,816	95,538,689
10	Kem. Sumber Manusia	5,481	7,152	53,726,309	93,622,027
11	Kem. Pembangunan Wanita & Masyarakat	2,957	5,337	38,898,201	83,898,637
12	Kem. Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	4,463	8,164	47,508,797	82,998,973
13	Kem. Pertanian & Industri Asas Tani	7,245	11,006	116,485,736	76,699,805
14	Kem. Kemujuan Luar Bandar & Wilayah	5,587	7,190	45,452,179	73,567,744
15	Kem. Belia & Sukan	3,107	6,640	26,046,376	63,135,703
16	Kem. Pengajian Tinggi	28	5,273	322,963	61,174,245
17	Kem. Sains, Teknologi & Inovasi	4,179	6,711	35,250,946	57,588,459
18	Kem. Penerangan	3,792	5,509	40,334,244	53,245,505
19	Kem. Kerja Raya	6,691	8,821	37,872,553	50,928,296
20	Kem. Sumber Asli	4,644	6,012	36,674,482	46,334,558
21	Kem. Pembangunan Usahawan dan Koperasi	1,590	2,268	11,886,850	26,882,716
22	Kem. Pelancongan	1,729	1,900	26,578,765	24,145,332
23	Kem. Luar Negeri	1,010	2,480	9,208,166	20,229,418
24	Kem. Perdagangan Dalam Negeri & HEP	1,130	1,672	11,283,081	12,234,907
25	Kem. Perdagangan A'bangsa & Industri	1,296	1,482	8,557,225	8,326,583
26	Kem. Wilayah Persekutuan	512	1,225	4,433,590	7,795,005
27	Kem. Tenaga, Air & Komunikasi	466	573	2,652,223	4,139,814
28	Kem. Perusahaan Peladangan & Komoditi	187	593	635,981	2,687,390
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>170,169</b>	<b>326,641</b>	<b>2,006,410,488</b>	<b>3,856,933,378</b>

Perkembangan positif ini menunjukkan komitmen dan kerjasama antara Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya dalam menggunakan Sistem ePerolehan untuk urusan perolehan bekalan dan perkhidmatan. Selain daripada peningkatan LPO dan nilai transaksi, kementerian juga telah merekodkan peningkatan bilangan PTJ yang menggunakan sistem ePerolehan. Sehingga akhir 2007, sebanyak 581 PTJ baru telah melaksanakan ePerolehan berbanding sasaran awal sebanyak 555 PTJ baru. Ini merupakan penambahan sebanyak 55% dari jumlah keseluruhan PTJ eP enabled tahun 2006.



**Pencapaian Penggunaan Modul-Modul Sistem ePerolehan dari  
Jan hingga 31 Disember 2007**

<b>Modul-Modul eP</b>	<b>Transaksi sehingga 31 Disember</b>	
	<b>Bilangan LPO</b>	<b>Nilai Transaksi (RM)</b>
Modul Kontrak Pusat	245	22,760,535
Modul Pembelian Terus	325,281	3,558,052,411
Modul Kontrak Kementerian	1,115	276,120,432
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>326,641</b>	<b>3,856,933,378</b>
Modul Sebut Harga	107	12,195,296
Modul Tender	48	140,011,000
Modul eBidding	23	100,862,150

Bagi tahun 2008, pihak Kerajaan telah mensasarkan sebanyak RM 5 bilion jumlah transaksi perolehan akan dijana melalui Sistem ePerolehan. Ini kerana sebanyak 555 tambahan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh negeri yang akan bersedia menggunakan Sistem ePerolehan pada tahun ini. Penggunaan

modul-modul dalam Sistem ePerolehan seperti modul Sebutharga, Tender dan eBidding akan mula diperluaskan dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling Perbendaharaan bagi kesemua modul-modul berikut yang akan mula berkuatkuasa pada suku tahun pertama dan kedua 2008.

# Aktiviti Sesi Latihan Dan Mandatory Handholding (MHH) Bersepadu Sistem ePerolehan

Untuk suku tahun ketiga dan keempat tahun 2007, sesi latihan dan MHH Bersepadu telah diadakan bertempat di enam (6) kampus INTAN dengan tiga belas (13) sesi latihan mulai Julai hingga Disember 2007. Bagi latihan di INTAN Kiara pada 3 hingga 6 Julai 2007, latihan dan MHH bersepadu digantikan dengan sesi *Refresher Course* untuk modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus secara HTML bagi memenuhi keperluan pengguna Sistem ePerolehan. Tiga (3) slot terakhir latihan untuk INTAN Kiara, INTIM dan INTURA pula telah dibatalkan atas permintaan pihak INTAN. Berikut merupakan statistik latihan dan MHH bersepadu yang telah diadakan mulai Julai hingga Disember 2007.

## Statistik Bilangan Pengguna Terlatih Sehingga 31 Disember 2007

Bilangan Pengguna Yang Telah Dilatih							
2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	Jumlah Terkumpul
11	1,636	1,272	624	1,628	1,156	2,713	9,040

## Statistik Latihan dan MHH Bersepadu Mengikut Kehadiran Mulai Julai Hingga November 2007

Siri	Tempat	Tempoh	Jumlah PTJ	Jumlah Peserta
5/2007	INTAN Sarawak	17 – 20 Julai 2007	11	61
6/2007	INTAN Bukit Kiara	24 - 27 Julai 2007	12	70
5/2007	INTAN Sabah	30 Julai - 2 Ogos 2007	13	68
4/2007	IKWAS	30 Julai – 2 Ogos 2007	21	121
4/2007	INTURA	13 – 16 Ogos 2007	17	108
4/2007	INTIM	13 – 16 Ogos 2007	19	102
7/2007	INTAN Bukit Kiara	14 – 17 Ogos 2007	9	45
5/2007	IKWAS	27 – 30 Ogos 2007	17	84
5/2007	INTIM	29 Okt. – 1 Nov. 2007	20	101
6/2007	IKWAS	30 Okt -2 Nov. 2007	13	54
5/2007	SARAWAK	5 – 8 November 2007	13	66
5/2007	INTURA	19-22 November 2007	21	98
7/2007	IKWAS	20-23 November 2007	6	38
<b>Jumlah</b>			<b>192</b>	<b>1016</b>

## Statistik Latihan dan MHH Bersepadu Mengikut Tarikh Dan INTAN Mulai Julai Hingga September 2007

BULAN	TARIKH MENGIKUT TEMPAT (INTAN)					
	INTAN KIARA	INTIM	INTURA	IKWAS	INTAN SABAH	INTAN SARAWAK
JULAI	3/7 - 6/7	TIADA	TIADA	30/7 - 2/8	30/7 - 2/8	17/7 - 20/7
	24/7 - 27/7				TIADA	TIADA
OGOS	14/8 - 17/8	13/8 - 16/8	13/8 - 16/8	27/8 - 30/8	TIADA	TIADA
SEPT.	10/9 - 11/9	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA
OKTOBER	TIADA	29/10 - 1/11	TIADA	30/10 - 02/11	TIADA	TIADA
NOVEMBER	13/11 - 16/11	TIADA	19/11 - 22/11		TIADA	05/11 - 08/11
			20/11 - 23/11			
DISEMBER	TIADA	10/12 - 13/12	10/12 - 13/12	TIADA	TIADA	TIADA

# Pelaksanaan MHH dan Latihan bagi tahun 2008

Sesi Latihan dan MHH Bersepadu diteruskan lagi bagi tahun 2008 dengan beberapa pembaharuan pada pelan latihan serta bilangan dan kehadiran peserta. Pembaharuan ini adalah sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan kualiti sesi latihan dan memenuhi keperluan pengguna-pengguna Kerajaan. Penambahbaikan ini dibentuk berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada peserta kursus serta fasilitator yang bertugas semasa Sesi Latihan dan MHH Bersepadu berlangsung.

Slot MHH akan berlangsung selama lima(5) hari berbanding empat (4) hari seperti slot latihan tahun 2007. Selama tempoh ini, kesemua peranan pengguna Sistem ePerolehan bagi sesebuah PTJ akan hadir bersama. Berbanding tahun 2007, kehadiran peserta bagi sesuatu sesi adalah mengikut peranan masing-masing. Bagi sesi latihan kali ini, setiap slot terbahagi kepada dua (2) sesi iaitu Sesi A dan Sesi B. Setiap sesi mengambil masa selama 2.5 hari. Semua slot latihan

di INTAN akan bermula pada hari Isnin, kecuali bagi INTURA dan INTIM yang bermula pada hari Ahad. Sebanyak 38 slot telah disediakan oleh pihak INTAN dengan pembahagian 5 slot di Sabah dan Sarawak, 6 slot di INTURA, INTIM dan IKWAS serta 8 slot di INTAN Kiara.

Setiap PTJ perlu membuat transaksi pembelian secara 'live' dengan pembekal yang telah disediakan selain melaksanakan transaksi untuk perolehan mengikut Nota Minta yang dibawa. Penglibatan pihak pembekal dalam sesi MHH kali ini adalah untuk mendedahkan para pengguna Kerajaan dengan aktiviti semasa transaksi yang sebenar. Selain meningkatkan pengetahuan, tahap keyakinan peserta juga akan dapat dipertingkatkan dan secara tidak langsung memastikan agar tahap kepuasan peserta terhadap sesi latihan MHH ini dipenuhi.

Berikut adalah jadual untuk tahun 2008.

## Jadual Perancangan Latihan Dan Sesi MHH Bersepadu Di Pusat Latihan INTAN Tahun 2008

BULAN	TARIKH MENGIKUT TEMPAT (INTAN)						
	INTAN KIARA	INTIM	INTURA	IKWAS	INTAN SBH	INTAN SWK	
JANUARI	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	
FEBRUARI	11/02 - 15/02	TIADA	TIADA	11/02-15/02	18/02 - 22/02	TIADA	
MAC	10/03 - 14/03	23/03 - 27/03	02/03 - 06/03	03/03 - 07/03	24/03 - 28/03	TIADA	
	24/03 - 28/03						
APRIL	21/04 - 25/04	TIADA	20/04 - 24/04	TIADA	07/04 - 11/04	07/04 - 11/04	
MEI	12/05 - 16/05	11/05 - 15/05	TIADA	05/05 - 09/05	TIADA	TIADA	
JUN	09/06 - 13/06	TIADA	29/06 - 03/07	16/06 - 20/06	23/06 - 27/06	TIADA	
JULAI	07/07 - 11/07	06/07 - 10/07		21/07 - 25/07	21/07 - 25/07	14/07 - 18/07	
	28/07 - 01/08			11/08 - 15/08	TIADA	11/08 - 15/08	
SEPTEMBER	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	
OKTOBER	13/10 - 17/10	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	13/10 - 17/10	
NOVEMBER	10/11 - 14/11	23/11 - 27/11	16/11 - 20/11	10/11-14/11	TIADA	17/11 - 21/11	
			30/11 - 04/12				
DISEMBER	TIADA	TIADA		TIADA	TIADA	TIADA	

Nota: Anggaran peserta adalah seramai 20 orang/kelas

# Laporan Flying Squad Ke Atas PTJ-PTJ Terpilih Oleh Bahagian Kawalan Pemantauan, Perbendaharaan Malaysia

Objektif kajian *Flying Squad* adalah:

1. Bagi mengenal pasti sebab agensi Kerajaan yang berstatus eP enabled tetapi tidak menggunakan sistem tersebut
2. Mendapatkan maklumat tahap penggunaan Sistem ePerolehan di agensi Kerajaan, mengenalpasti masalah dan kelemahan yang timbul dalam pelaksanaan Sistem ePerolehan
3. Memaklumkan kepada agensi Kerajaan mengenai kepentingan penggunaan ePerolehan.

Sesi *Flying Squad* mengenai pelaksanaan dan gunapakai Sistem ePerolehan telah diadakan ke atas enam (6) buah Kementerian yang merangkumi sejumlah 98 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih di seluruh Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 2 hingga 5 Julai dan 6 hingga 10 Ogos 2007.


Kumpulan *Flying Squad* telah menjalankan kajian berpandukan borang soal selidik yang disediakan secara bersama oleh Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. dengan bantuan Unit Audit Dalam dan Bahagian Kawalan Pemantauan, Perbendaharaan Malaysia.

Kriteria pemilihan PTJ adalah seperti dibawah:


- i. PTJ yang telah eP-enabled semenjak tahun 2006 tetapi masih belum bertransaksi melalui sistem ePerolehan;
- ii. PTJ yang telah eP-enabled dan telah bertransaksi tetapi tidak lagi aktif; dan
- iii. PTJ yang telah eP-enabled tetapi kurang dari 10 transaksi setahun.

Antara penemuan dan hasil kajian yang dapat dirumuskan adalah:

## Rumusan penemuan dan hasil kajian



## Langkah untuk PTJ bagi mendapat status GO LIVE eP enabled



# Sesi Taklimat Pembekal ePerolehan Di Pantai Timur

Tarikh : 29 – 31 Ogos, 2007 dan 2 – 3 September 2007

Tempat : Holiday Villa Cherating, Pahang dan

Pantai Cahaya Bulan Resort, Kota Bharu, Kelantan

Setelah kejayaan sesi Taklimat Pembekal ePerolehan yang diadakan pada 29 Ogos 2007 di Johor Bahru, sesi taklimat berikutnya telah diadakan di Pantai Timur berikutan permintaan yang baik dari kalangan PTJ-PTJ dan pembekal-pembekal di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Taklimat seumpama ini adalah langkah yang baik bagi mendedahkan Sistem ePerolehan kepada para pembekal secara dekat di mana pembekal berpeluang mendengar taklimat, Dialog, berdaftar dan membeli segala kelengkapan infrastruktur dan latihan bagi



Peserta yang hadir semasa Taklimat Pembekal ePerolehan yang diadakan di PCB, Kota Bharu.



Puan Nor'aini Abdul Razak (Timbalan Pengarah Projek, Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan) dan En. Wan Rashid (CFO, CDC) sedang khusyuk mendengar taklimat yang disampaikan.

memperbolehkan mereka terus bertransaksi dengan Kerajaan.

Sesi taklimat kali ketiga ini telah berjaya menarik kehadiran seramai 255 pembekal manakala 289 Pembekal telah menghadiri sesi taklimat yang sama di Kota Bharu.

Mulai tahun 2008, sesi taklimat pembekal ini akan diperluaskan di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Pihak Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. sedang merancang pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik termasuk pelbagai diskau-diskau bagi pakej-pakej ePerolehan.



Kaunter Perkhidmatan ePerolehan turut dibuka semasa taklimat tersebut.



Sambutan yang diberikan oleh para pembekal Kerajaan agak memberangsangkan.

# Anugerah Kualiti Sempena Sambutan Hari Kualiti Peringkat Kementerian Kewangan 2007

Tarikh : 5 November 2007

Anugerah yang telah diterima:

1. Anugerah Inovasi Terbaik - Tempat Ketiga
2. Anugerah Laman Web Terbaik - Tempat Ketiga

Anugerah Kualiti Kementerian Kewangan 2007 merupakan anugerah yang diperkenalkan julung-julung kalinya oleh Kementerian Kewangan. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf bahagian-bahagian dan agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan yang telah menunjukkan tahap kualiti yang membanggakan di dalam setiap kategori yang dipertandingkan.

Pada 2007, sebanyak enam (6) kategori telah dipertandingkan iaitu:

- Kategori Slogan Terbaik
- Kategori Kaunter Perkhidmatan Terbaik
- Kategori Laman Web Terbaik
- Kategori Inovasi Terbaik


- Kategori Kumpulan Meningkat Mutu Kerja Terbaik
- Kategori Pejabat Terbaik

Unit ePerolehan telah menyertai tiga (3) kategori yang dipertandingkan iaitu Laman Web Terbaik, Inovasi Terbaik dan Pejabat Terbaik di mana Unit ePerolehan telah berjaya memenangi dua anugerah iaitu tempat ketiga bagi Pertandingan Anugerah Inovasi Terbaik dengan tajuk eBidding – Anjakan Paradigma Bagi Perolehan Kerajaan dan tempat ketiga bagi Anugerah Laman Web Terbaik. Dengan kemenangan tersebut, Unit ePerolehan telah berjaya meraih wang ganjaran sejumlah RM 2,750.

Sambutan Hari Kualiti Peringkat Kementerian Kewangan telah berlangsung pada 5 November 2007 yang lalu bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Kementerian Kewangan. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Awang Adek bin Hussein.



Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada pihak Pengurusan Unit ePerolehan dan semua warga Unit ePerolehan atas kerjasama yang diberikan dalam usaha meningkatkan tahap kualiti pengurusan, budaya kerja dan perkhidmatan kepada pelanggan. Semoga Unit ePerolehan terus menunjukkan tahap kualiti terbaik yang berterusan.



# Perluasan Kaunter-Kaunter Perkhidmatan ePerolehan Terkini

## Kaunter Perkhidmatan ePerolehan di Kementerian Pelajaran, Putrajaya

**Tarikh mula beroperasi:** April, 2007

**Lokasi:**

Ruang Legar  
Kementerian Pelajaran  
Blok E12, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran  
Persekutuan Putrajaya  
8:30 pagi – 5:00 petang  
(Dari Isnin sehingga Jumaat)

**Waktu operasi:**

Para pengguna Sistem ePerolehan kini berpeluang mendapatkan perkhidmatan melalui Kaunter Perkhidmatan ePerolehan yang telah mula beroperasi di Lobi Kementerian Pelajaran, Parcel E, Pusat Pentadbiran Persekutuan, Putrajaya

Lokasi kaunter yang strategik ini mampu memberi perkhidmatan kepada PTJ dan pembekal di sekitar Parcel E yang terdiri dari Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



Kemudahan yang terdapat di Kaunter Perkhidmatan ePerolehan di Tingkat 2, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, The Mall Kuala Lumpur.



Pegawai Perunding ePerolehan sedang memberi penerangan kepada pengunjung.

Pihak Kerajaan amat berterima kasih dengan pihak pengurusan SSM yang sudi memberi kerjasama untuk menempatkan Kaunter ePerolehan. Bagi pembekal-pembekal baru yang berkunjung di Kaunter SSM, jangan lupa untuk melawati Kaunter Perkhidmatan ePerolehan dan mendapatkan penerangan lanjut mengenai pembolehan pembekal melalui Sistem ePerolehan.

## Kaunter Perkhidmatan ePerolehan di Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia

**Tarikh mula beroperasi:** Januari, 2007

**Lokasi:**


Tingkat 2  
Kaunter Khidmat SSM  
Suruhanjaya Syarikat  
Malaysia  
Tingkat 2, Putra Place  
100, Jalan Putra  
50622 Kuala Lumpur  
8:30 pagi – 4:30 petang  
(Dari Isnin sehingga Jumaat)

**Waktu operasi:**

Hasrat Kerajaan bagi memperkenalkan Sistem ePerolehan ini kepada pembekal-pembekal baru kini semakin nyata apabila sebuah Kaunter Perkhidmatan ePerolehan telah diwujudkan di Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Kaunter ini juga merupakan satu-satunya Kaunter Perkhidmatan ePerolehan yang pertama terletak di pusat bandar Kuala Lumpur dan memberi peluang pembekal-pembekal untuk mendapatkan maklumat pengenalan mengenai Sistem ePerolehan secara interaktif dengan lebih dekat.

# ePerolehan Dalam Sistem *Star Rating* Dan Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan



Penggunaan ePerolehan telah dijadikan sebagai salah satu alat untuk mengukur prestasi pegawai pengawal dan juga sebagai salah satu kriteria tambahan dalam kategori Pengurusan Kewangan bagi Sistem *Star Rating* (SSR) dan Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (AKPK).

Bagi SSR, Pengurusan Kewangan menyumbang sebanyak 15% dan penggunaan aplikasi ePerolehan menyumbang kepada pemberat sebanyak 4 untuk 20 markah bagi kategori Perolehan.

Bagi AKPK, ePerolehan dijadikan ciri-ciri tambahan bagi Kriteria 4 iaitu Usaha-usaha Peningkatan Kualiti Pengurusan Kewangan. Penggunaan ePerolehan di peringkat agensi diukur pelaksanaannya di bawah kriteria Pelaksanaan Sistem Elektronik Pengurusan Kewangan, bersama-sama eSPKB, SPP II, SPEK (Kerajaan Negeri) dan SAGA (Badan Berkanun).

Gunapakai penggunaan Sistem ePerolehan di agensi Kerajaan sebagai salah satu alat pengukuran bagi aspek pemarkahan dan penilaian dalam SSR dan AKPK telah menunjukkan komitmen yang tinggi pengurusan tertinggi berkenaan pelaksanaan ePerolehan. Selaras itu, Sistem ePerolehan diharap dapat terus menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam memudahkan pengurusan perolehan agensi Kerajaan.

# Modul eBidding Memperlengkapan Sistem ePerolehan

**Mula diperkenalkan:** November 2006  
**Perintis:** Bhg. Dasar Saran dan Wang Awam, Kementerian Kewangan Malaysia


Pihak Kerajaan Malaysia kini telah mengorak langkah ke arah perolehan yang lebih pantas dan kompetitif melalui penggunaan Modul eBidding.

Modul eBidding ini adalah proses perolehan yang melibatkan antara dua pihak, iaitu pembeli dan pembekal yang dibuat secara interaktif melalui bidaan

atas talian dalam tempoh masa tertentu dengan tujuan mendapatkan bekalan atau perkhidmatan dengan tawaran harga yang lebih kompetitif, cepat dan telus.

Dalam konteks ini, eBidding yang direkabentuk, dibangun dan diperkenalkan adalah merupakan satu tawaran bidaan harga atas talian secara “reverse auction” dari beberapa pembekal yang telah dikenalpasti serta memenuhi spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan bagi tempoh tertentu.

**Aliran Proses eBidding**



Modul eBidding mula digunakan secara perintis oleh Bahagian Saran, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan (BSWP), Kementerian Kewangan Malaysia. Kedua-dua perolehan secara eBidding ini berjaya dilaksanakan di mana pihak BSWP dapat sebanyak 46% dan 36.4% bagi nilai anggaran yang ditetapkan. Sejak mula diperkenalkan sehingga 31 Disember 2007, sebanyak 23 transaksi melalui Modul eBidding telah berjaya dilakukan. Kementerian Pertahanan adalah Kementerian yang paling aktif menggunakan Modul eBidding bagi urusan perolehan bekalan.

## Pelaksanaan eBidding Sepanjang Tahun 2007

Bil.	Kementerian	Bilangan Pelaksanaan eBidding
1	Kementerian Pertahanan	16
2	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	4
3	Kementerian Hal Ehwal Pengguna	1
4	Kementerian Kewangan	2
<b>Jumlah Keseluruhan eBidding</b>		<b>23</b>

# Pembolehan Sistem ePerolehan Kepada Pembekal Menggunakan Teknologi Medium Akses Terkini

Produk:	ePXS USB Crypto Token
Harga:	RM 199.00 seunit
Mula dijual:	30 November, 2007

Penggunaan '*two-factor authentication*' adalah kaedah sekuriti yang digunakan bagi semua jenis transaksi yang melibatkan penggunaan berasaskan atas talian. Penggunaan nombor PIN dan kad pintar kini menjadi satu kemestian di semua institusi perbankan di negara ini. Begitu juga dengan penggunaan Sistem ePerolehan yang telah mula menggunakan teknologi sebegini sejak mula sistem diperkenalkan.

Bersesuaian dengan peredaran teknologi semasa, medium penyimpanan maklumat peribadi pengguna telah ditambahbaik di mana maklumat pengguna dapat disimpan dan dijana melalui token berasaskan USB yang dinamakan "Smart USB Token".



Teknologi medium akses terkini ePerolehan  
– ePXS USB Crypto Token


Para pembekal Sistem ePerolehan kini berpeluang untuk menjadi antara salah seorang pelopor yang menggunakan teknologi ini di Malaysia menerusi pengenalan medium ePXS *Crypto* USB Token bagi mengakses dan bertransaksi melalui Sistem ePerolehan.

Dengan pelancaran ePXS *Crypto* USB Token ini, para pembekal dapat menikmati Medium Akses

## HOW IT WORKS

### Cryptographic token secures e-signature

The use of a cryptographic token provides additional authentication when creating a digital signature with a private key.



ePerolehan dengan harga yang lebih murah dan berpatutan disamping menggunakan teknologi yang lebih mudah tanpa memerlukan pelbagai instalasi OS yang merumitkan. Tambahan pula ePXS ini lebih tahan lasak dan mampu bertahan lebih lama berbanding kad pintar.

Walaupun ia menyerupai USB *Thumb Drive* yang biasa kita temui di pasaran, ianya amat berbeza kerana ePXS mengandungi teknologi sekuriti *encryption* yang dapat menjana sijil digital pengguna apabila ianya disambungkan ke USB port di PC. Teknologi sebegini masih baru di pasaran Malaysia dan dipelopori oleh institusi perbankan di negara ini.

# Maklumat Pelaksanaan Pembolehan ePerolehan Bagi Pembekal

Rujukan: **Surat Arahan YBhg. Dato' Seri Wan Abdul Aziz Wan Abdullah**  
**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

Tarikh Berkuatkuasa: **1 November, 2007**

Sejajar dengan pengenalan medium ePXS USB *Crypto* Token sebagai alat medium alternatif penggunaan medium Kad Pintar ePerolehan, Perbendaharaan Malaysia telah menguatkuasakan agar semua pembekal yang berurusan dengan Kerajaan Persekutuan berdaftar melalui sistem ePerolehan dan diwajibkan mempunyai medium

akses Sistem ePerolehan samada Kad Pintar eP atau ePXS USB *Crypto* Token semasa berdaftar atau memperbaharui pendaftaran Pembekal Sijil Kementerian Kewangan yang dilakukan secara atas talian melalui Sistem ePerolehan bermula pada 1 November, 2007.

Bagi Pembekal yang memilih opsyen Kad Pintar ePerolehan, ianya juga perlu dilengkapi dengan alat pembaca Kad Pintar yang sah.

Penguatkuasaan ini adalah perlu agar semua Pembekal sentiasa bersedia menggunakan Sistem ePerolehan apabila mendapat sebarang pesanan perolehan dari pihak Kerajaan.

Walaubagaimanapun pihak Kerajaan amat perihatin dengan kos-kos yang berkaitan dan pengenalan medium ePXS USB *Crypto* Token ini lebih murah dan mampu dimiliki oleh semua lapisan pembekal.

Pengenalan ePXS USB *Crypto* token ini dijangka akan menarik minat lebih ramai pembekal baru dan yang ingin memperbaharui pendaftaran pembekal MOF

agar sekurang-kurangnya mencapai status minima eP *enabled* melalui kelengkapan medium yang sah dan sempurna.

Untuk mengetahui dan memohon ePXS USB *Crypto* Token ini, sila lawati laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my)

## Salinan Surat Arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**  
(Secretary General to the Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**  
Tel. No. : 03-88823882  
: 03-88823333  
Telefax : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242

KK/eP 10/741/2/66 (91 )

| Oktober 2007

Semua Pembekal Berdaftar Kementerian Kewangan

### Pelaksanaan Pembolehan (Enable) Sistem ePerolehan

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan, S/K.KEW/PK/EP/1100/000000/143/23Jld.3(7) bertarikh 3 Disember 2002 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua perolehan oleh Kerajaan Persekutuan untuk bekalan dan perkhidmatan telah menggunakan Sistem ePerolehan. Sehubungan itu, bagi memastikan tahap penggunaan Sistem ePerolehan dikalangan pembekal berdaftar Kementerian Kewangan berjaya sepenuhnya, maka Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya semua pembekal yang terlibat dikehendaki memperolehi kad pintar dan alat pembaca kad pintar atau Token USB CRYPTO untuk menjalankan urusniaga perolehan dengan Kerajaan Persekutuan. Dalam hubungan ini, pembekal sediada yang telah mempunyai kad pintar, hanya perlu mendapatkan alat pembaca kad pintar ataupun memilih untuk bertukar kepada Token USB CRYPTO apabila membuat permohonan pembaharuan pendaftaran kelak.

3. Arahan ini berkuatkuasa sepenuhnya mulai **1 November 2007**.

4. Untuk mendapatkan khidmat bantuan dan perkhidmatan berkaitan Sistem ePerolehan, tuan/puan bolehlah menghubungi:

**Commerce Dot Com Sdn. Bhd.**  
Tingkat 2, Wisma AMTEK  
No. 15, jalan Tandang  
46050 Petaling Jaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Telefon : 03-7985 7777  
Faksimile : 03-7985 7790  
E-mail : [bantuan@eperolehan.com.my](mailto:bantuan@eperolehan.com.my)

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,  
(Dato' Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)



Y. Bhg. Dato'  
Haji Ahmad Haji Hashim

## Terima Kasih dan Selamat Bersara Y. Bhg. Dato' Haji Ahmad Haji Hashim

Diucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih dan selamat bersara kepada Y. Bhg. Dato' Haji Ahmad Haji Hashim, Pengurus Jawatankuasa Pemandu Sistem ePerolehan yang telah tamat perkhidmatannya di dalam sektor awam pada 31 Disember 2007. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Perbendaharaan Malaysia.

Sepanjang kepimpinan beliau menerajui Jawatankuasa Pemandu ePerolehan, kedudukan pelaksanaan Sistem ePerolehan amat memberangsangkan di mana beliau sentiasa memantau dan menggalakkan semua *stakeholders* menyumbang ke arah mempergiatkan pelaksanaan dan pengintegrasian Sistem ePerolehan dengan agensi-agensi yang berkaitan.

## Tahniah Kepada Y. Bhg. Dato' Haji Za'ba Haji Che Rus


Pihak Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y. Bhg. Dato' Haji Za'ba Haji Che Rus, Pengarah Projek Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia kerana telah dikurniakan pingat kebesaran Dato' Setia DiRaja Kedah (D.S.D.K.) yang membawa gelaran Dato' sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Kedah Darul Aman pada 20 Januari 2008 yang lalu.

Anugerah tersebut merupakan satu penghargaan terhadap segala sumbangan beliau di dalam sektor awam termasuk kepimpinan beliau dalam memperluaskan penggunaan Sistem ePerolehan ke seluruh negara.



Dikurniakan pingat kebesaran  
Dato' Setia DiRaja Kedah  
(D.S.D.K.)

# **NANTIKAN KEMUNCULAN DIREKTORI ePEROLEHAN EDISI KEEMPAT TAHUN 2008/2009 MULAI JUN 2008**



## **KELEBIHAN ePEROLEHAN DIREKTORI**

- Direktori rasmi yang digunakan oleh Bahagian Perolehan, Jabatan Kerajaan seluruh Malaysia.
- Pengiklanan paling berkesan & termurah di Malaysia.
- Edaran kepada semua agensi kerajaan dan anggaran lebih 100,000 pembekal kerajaan.

**Untuk maklumat lanjut,sila  
berkunjung ke ePerolehan Centre yang  
terdekat ATAU hubungi Khidmat Bantuan  
ePerolehan di talian 03-7985 7777 /  
[bantuan@eperolehan.gov.my](mailto:bantuan@eperolehan.gov.my)**

